

CERITERA SEPANJANG, SEBERANG DAN SELEPAS GARIS 4' 10" UTARA: LAKUAN DAN MAKSUD PENUTUR DALAM KES KEDAULATAN PULAU SIPADAN DAN PULAU LIGITAN

Hafriza Burhanudeen

Abstrak

Bahasa sering digunakan sebagai alat bujukan dalam kalangan negara yang menghadapi perselisihan, sebagai mekanisme penyelesaian, sama ada melalui perundingan diplomatik atau melalui mekanisme penimbangtaraan atau penghakiman, seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda.

Dalam bahasa, terdapat tidak terkira banyaknya lakuan bahasa yang bermatlamat untuk menyampaikan, sama ada secara implisit mahupun eksplisit, maksud komunikasi para penutur yang terlibat. Makalah ini cuba menonjolkan maksud penutur melalui pelbagai jenis lakuan bahasa yang digunakan dalam pertuturan para peguam yang mewakili Malaysia dan Indonesia, dalam kes kedaulatan kedua-dua Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan, pada 3–12 Jun 2002 di Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Data untuk makalah ini diambil khusus daripada catatan verbatim, yakni pertuturan kata demi kata Sir Elihu Lauterpacht, Q.C., C.B.E., ketua barisan peguam untuk Malaysia, dan Sir Arthur Watts, yang mengetuai barisan peguam untuk Republik Indonesia.

Abstract

Language is frequently used as a persuasive tool among countries as a dispute resolution mechanism either through diplomatic negotiation or through arbitration or adjudication mechanisms such as the International Court of Justice in The Hague, The Netherlands.

Inherent within language are a myriad of speech acts designed to convey either implicitly or explicitly the communicative intent of the speakers involved. This paper seeks to highlight speaker intention via the kinds of speech acts used in the language of Counsels representing Malaysia and Indonesia in the case concerning sovereignty over the two islands of Sipadan and Ligitan on June 3–12, 2002 at the International Court of Justice.

Data for this paper is extracted primarily from the verbatim records of Sir Elihu Lauterpacht, Q.C., C.B.E. lead Counsel for Malaysia and Sir Arthur Watts, Q.C. Counsel for the Republic of Indonesia.

PENDAHULUAN

Perselisihan sejak sekian lama antara Kerajaan Malaysia dengan Republik Indonesia tentang kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan berakhir pada 17 Disember 2002, apabila Mahkamah Keadilan Antarabangsa di *The Hague* memutuskan, dengan sokongan terbanyak majoriti 16-1, bahawa kedua-dua buah pulau itu adalah milik Malaysia. Kes perbicaraan ini yang melibatkan pakar-pakar perundangan tempatan dan antarabangsa, baik untuk Malaysia mahupun Indonesia, telah menyaksikan kewujudan pelbagai jenis lakuan bahasa, yang kesemuanya bertujuan untuk membujuk mahkamah dengan semangkus yang boleh, untuk membuat keputusan yang menyebelahi mereka.

Tujuan makalah ini adalah untuk menonjolkan maksud penutur melalui beberapa jenis lakuan bahasa yang digunakan oleh kedua-dua peguam yang mewakili Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia, dalam konteks perbahasan dan perbahasan balas antara Malaysia dengan Indonesia, berkenaan dengan interpretasi tentang satu hujah penting yang dibawa ke mahkamah, iaitu Artikel IV Konvensyen 1891 yang berbunyi:

Dari garis lintang utara 4' 10" di sebelah pantai timur garisan sempadan itu akan bersambung ke arah timur pada sepanjang garis itu, seberang dari Pulau Sebatik: bahagian pulau ini yang terletak ke utara garis itu akan dimiliki secara tidak terbatas oleh British North Borneo Company, dan bahagian di selatan garis itu oleh negara Belanda.

Di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, pemahaman Malaysia dan Indonesia yang masing-masing tidak sehalu tentang Artikel IV Konvensyen 1891, merupakan mauduk perbahasan antara Sir Elihu Lauterpacht, peguam untuk Malaysia dengan Sir Arthur Watts, peguam untuk Republik Indone-

sia. Penelitian tentang catatan-catatan verbatim memperlihatkan bahawa perbahasan utama antara mereka adalah pada interpretasi frasa “berterusan menghala ke timur sepanjang garis itu, seberang dari Pulau Sebatik” dalam Artikel IV (sila rujuk teks Artikel IV di atas). Kepada Indonesia, kata-kata dalam frasa itu diinterpretasikan sebagai membawa pengertian bahawa garis sempadan 4' 10" itu di Pulau Sebatik dilanjutkan selepas pulau ini, dan merangkumi kedua-dua Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan yang berada di selatan dari garis 4' 10". Semenjak berkuat kuasanya Konvensyen 1891 itu, ia menetapkan bahawa kawasan pemerintahan Belanda adalah di selatan garis 4' 10" Utara (kini berada dalam kekuasaan Indonesia) dan kawasan pemerintahan Britain pula adalah di utara garis 4' 10" Utara itu (kini berada dalam kekuasaan Malaysia). Ekoran daripada ini, Indonesia membuat interpretasi bahawa kawasan di selatan dari garis 4' 10" Utara ini yang kemudiannya diperluas selepas Pulau Sebatik sehingga ke lautan luas, dimiliki olehnya. Pemahaman begini sudah tentu merangkumi Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Sebaliknya, Malaysia menginterpretasikan kata-kata pada frasa itu sebagai membawa pengertian bahawa tidak ada sebarang peluasan selepas garis 4' 10" Utara itu di akhir Pulau Sebatik, khususnya peluasan yang menghala ke timur. Bagi Malaysia, garis 4' 10" Utara itu berhenti di pantai Pulau Sebatik, dan tidak wujud lagi selepas itu. Justeru, kawasan di utara Pulau Sebatik sahaja, dimiliki oleh Malaysia, dan sebaliknya, kawasan di selatan Pulau Sebatik dikuasai oleh Indonesia. Interpretasi begini menolak kekuasaan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Oleh itu, Indonesia tidak berhak menuntut bahawa kedua-dua Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan adalah milik mereka.

Dalam makalah ini, perbahasan sengit antara Sir Elihu Lauterpacht dengan Sir Arthur Watts berkenaan dengan Artikel IV, merupakan fokus perbincangan. Beberapa lakuan bahasa yang digunakan oleh kedua-dua peguam untuk menyampaikan hujah-hujah mereka ikut ditonjolkan.

Metodologi dan Kerangka yang Digunakan

Crystal (1991:323) mentakrifkan lakuan bahasa sebagai “aktiviti komunikasi yang tertentu setelah diketahui maksud penutur semasa bercakap, dan kesan maksud itu kepada pendengar”. Secara khususnya, makalah ini ingin meneliti maksud penutur atau dengan perkataan lain, kuasa ilokusi ungkapan-ungkapan dalam catatan verbatim, yang merupakan data untuk makalah ini. Di sini, kedua-dua Sir Elihu Lauterpacht dan Sir Arthur Watts

merupakan penutur dan juga pendengar semasa mereka bertindak setelah mendengar hujah-hujah yang diutarakan. Dalam makalah ini, kesan yang dialami oleh kedua-dua peguam ini, akibat daripada apa-apa yang diperkatakan oleh pihak yang menutur, merupakan lakuan bahasa kepada pihak yang mendengar.

Proses yang menonjolkan maksud penutur melalui jenis lakuan bahasa yang terkandung dalam teks-teks yang terpilih, akan mengikuti langkah-langkah yang berikut. Pertama ialah pembentangan dan perbincangan lakuan-lakuan bahasa yang digunakan oleh Sir Arthur Watts untuk interpretasi Indonesia tentang Artikel IV Konvensyen 1891. Ini akan diikuti oleh penelitian dan perbincangan tentang lakuan-lakuan bahasa dan maksud penutur pada perbahasaan balas Sir Elihu Lauterpacht kepada interpretasi Indonesia, dan kemudiannya tentang interpretasi Malaysia mengenai Artikel IV.

Penelitian data tentang jenis-jenis lakuan bahasa memperlihatkan penggunaan pelbagai jenis maksud penutur, yang merangkumi tindakan menyimpulkan, meyakinkan, mendakwa, menegaskan, mengulang, membujuk, mencadangkan, tidak bersetuju, mengkritik dan menyangkal. Dua kaedah yang digunakan untuk meneliti teks ialah kenyataan Searle (1988) tentang sifat sesuatu lakuan bahasa; dan analisis kandungan dan perkaitan (*relasional*) Krippendorf (1980). Mengikut Searle (1988:18), "secara prinsipnya, adalah tidak mustahil untuk setiap lakuan bahasa yang dihasilkan dan boleh dihasilkan seseorang itu, ditentukan secara unik oleh sesuatu ayat (satu set ayat), dengan syarat penutur berkenaan bercakap secara lurus, yakni tidak berbelit-belit dan konteksnya sesuai. Dan untuk ini, penelitian tentang makna ayat (yakni maksud penutur) sebenarnya tidak berbeza pun dengan penelitian tentang lakuan bahasa. Oleh sebab setiap ayat yang mempunyai makna boleh digunakan untuk melaksanakan sesuatu lakuan bahasa tertentu, atau berbagai-bagai lakuan bahasa, penelitian tentang makna ayat dan penelitian tentang lakuan bahasa bukanlah dua disiplin yang berbeza, tetapi satu disiplin yang sama dari dua sudut pandangan yang berbeza." Dengan adanya data yang mempunyai pelbagai lakuan bahasa di dalamnya, usaha menonjolkan lakuan-lakuan bahasa ini akan dilakukan dalam konteks keseluruhan maksud penutur dalam sesuatu teks tertentu. Sehubungan dengan ini, banyak lakuan bahasa akan dibincangkan secara tiga penjuru berdasarkan perenggan-perenggan yang dipilih. Makalah ini, walau bagaimanapun, tidak mengguna pakai kerangka Searle sepenuhnya, khususnya tentang keadaan-keadaan yang perlu ada untuk sesuatu lakuan bahasa itu berfungsi.

Bersama-sama dengan penggunaan kerangka Searle sebagai pendekatan utama, kerangka analisis kandungan dan perkaitan Krippendorf (1980) ikut

digunakan sebagai pendekatan sokongan untuk meneliti bagaimana maksud penutur dan lakuan bahasa diungkapkan dalam teks-teks yang dipilih. Analisis kandungan merujuk kepada penelitian makna langsung dan tidak langsung pada perkataan-perkataan atau frasa-frasa tertentu di dalam teks, manakala analisis perkaitan pula merujuk kepada pemeriksaan rapi terhadap perkataan-perkataan serta frasa-frasa lain dalam persekitaran lakuan-lakuan bahasa yang diteliti itu, untuk menentukan makna-makna lain yang ikut diungkapkan, yang menyumbang kepada pengertian implisit atau eksplisit lakuan-lakuan bahasa yang sedang diteliti. Sehubungan dengan ini, dalam makalah ini, perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang digunakan semasa berbahas, sama ada dalam konteks perundangan, budaya, sejarah dan/atau sosial dalam kes tuntutan ini, oleh kedua-dua belah pihak, dan yang mempengaruhi maksud penutur dalam lakuan-lakuan bahasa, akan ikut dibincangkan. Sebenarnya, penggunaan secara seiringan kedua-dua kerangka Searle dan Krippendorf dalam makalah ini, adalah baik kerana lakuan-lakuan bahasa yang digunakan oleh kedua-dua pihak, dalam kekuasaan undang-undang dan diplomasi antarabangsa, boleh difahami dengan jelas sekali kalau lakuan-lakuan bahasa itu disampaikan dalam konteks yang berkaitan dengan fakta-fakta perundangan, sejarah dan sosial. Fakta-fakta ini dijadikan asas untuk perbahasan yang bersifat bujukan oleh kedua-dua pihak kepada mahkamah. Oleh sebab kedua-dua konteks dan lakuan bahasa berkait rapat dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam sesuatu peristiwa bahasa itu, cara perbincangan yang dirasakan paling baik dan berkesan ialah perbincangan secara tiga penjurong yang mengambil kira andaian-andaian (i) perundangan yang tertera dengan jelas, (ii) budaya, dan (iii) sosial, yang mendasari maksud penutur dan lakuan-lakuan bahasa yang digunakan.

Perbincangan Dapatan

Bahagian makalah ini mengandungi dua unit. Pertama ialah perbincangan tentang lakuan-lakuan bahasa dan maksud penutur (makna yang ingin disampaikan) yang ditemukan pada interpretasi Artikel IV Konvensyen 1891 oleh pihak Indonesia. Kedua ialah perbincangan mengenai perkara yang sama yang diinterpretasikan oleh pihak Malaysia.

Dalam bahagian pertama, enam teks akan diteliti. Di sini, datanya memperlihatkan pokok perbahasan pihak Indonesia dalam kes tuntutan ke atas kedua-dua buah pulau ini, terletak sepenuhnya pada wacana yang membujuk mahkamah menerima perbahasan mereka bahawa garis 4' 10"

bukan sahaja merupakan garisan yang memisahkan wilayah-wilayah darat dan laut yang kini dimiliki oleh Malaysia dan Indonesia, tetapi juga yang memisahkan Sipadan dan Ligitan yang dimiliki oleh Indonesia. Ini adalah kerana garisan pemisah ini merentang dan memanjang ke hadapan sejauh dan seluas yang mungkin, seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak, dalam soal Konvensyen 1891, dan peluasan ini merangkumi kedua-dua buah pulau berkenaan untuk dimiliki oleh Indonesia. Dua hujah asas ini diulangi dan dikembangkan perbahasannya dengan pelbagai cara, melalui bermacam-macam lakuan bahasa oleh Sir Arthur Watts sepanjang pembentangan hujahnya dalam kes tuntutan ini.

Dalam bahagian ini, jenis-jenis lakuan bahasa yang digunakan serta maksud penutur akan dibincangkan bersama-sama dengan maklumat latar yang sesuai, yang dipercayai wujud dalam sesuatu teks itu. Maklumat latar ini dianggap penting untuk memahami (atau menyelami) maksud penutur dan penggunaan lakuan bahasa tertentu dalam sesuatu konteks itu. Beberapa maksud penutur dikenal pasti dan ini merangkumi tindakan mencadang, menyimpulkan, menuntut, menegas, mewajarkan, meyakinkan, memujuk, dan menyangkal.

Interpretasi Indonesia tentang Artikel IV Konvensyen 1891

Bahagian ini meneliti serta mengetengahkan maksud di sebalik lakuan-lakuan bahasa yang digunakan oleh Sir Arthur Watts berkenaan dengan interpretasi Indonesia terhadap Artikel IV Konvensyen 1891. Perbincangan tentang lakuan-lakuan bahasa yang digunakan oleh Sir Arthur Watts dalam makalah ini, melibatkan penonjolan hanya bahagian-bahagian yang sesuai daripada pembentangan hujahnya yang berkaitan dengan interpretasi Indonesia. Bahagian-bahagian ini akan diperlihatkan dalam makalah ini seperti yang betul-betul wujud dalam catatan verbatim Sir Arthur Watts. Dalam hal ini, penyusunan bahagian ini dalam makalah ini tidak sekali-kali mengikut urutan seperti yang terdapat pada catatan verbatim itu. Dalam makalah ini, hanya bahagian-bahagian yang sesuai dengan perbincangan dan mauduk makalah sahaja yang disertakan.

Teks 1 di bawah memperlihatkan kenyataan awal Sir Arthur Watts berkenaan dengan Artikel IV Konvensyen 1891.

Teks 1

Ini ialah penghujahan Indonesia – khususnya berkenaan dengan persetujuan yang dimuatkan pada Konvensyen itu yang merupakan

satu kompromi, dan terdapat bukti-bukti bahawa pihak-pihak yang sedang berunding mempunyai maksud untuk menyelesaikan segala perselisihan tentang wilayah dalam rantau ini – yang diperuntukkan dan disyaratkan oleh Artikel IV dan diinterpretasikan secara tepat sebagai mensyaratkan bahawa garisan yang memisahkan di antara semua wilayah Belanda dengan wilayah British di kawasan ini, dan dimaksudkan untuk merentang ke luar lautan sejauh dan seluas yang diperlukan untuk memisahkan wilayah-wilayah lautan Belanda daripada British di kawasan ini. Garis lintang yang dipersetujui itu, seperti yang diperlihatkan dalam peta pada skrin, melintas dengan jelas ke utara Sipadan, dan juga ke utara Ligitan; oleh yang demikian, memberikan hak pemilikan kedua-dua buah pulau kepada Belanda.

Makna dan pengertian (ekoran daripada analisis kandungan dan perkaitan) yang terkandung dalam lakuan-lakuan bahasa yang digunakan pada beberapa baris pertama Teks 1 seperti perkataan **penghujahan** (*submission*), **persetujuan** (*settlement*), **dimuatkan** (*embodied*), **kompromi** (*compromise*), **berunding** (*negotiating*), dan **pihak-pihak yang sedang berunding mempunyai maksud untuk menyelesaikan segala perselisihan tentang wilayah dalam rantau ini** (*the negotiating parties evidently intended to settle all their territorial differences in the region*) secara jelas memperlihatkan maksud Sir Arthur Watts mengemukakan pandangan Indonesia tentang tujuan dan maksud Belanda dan Britain, secara perundingan untuk menyelesaikan masalah berkenaan dengan wilayah-wilayah yang dimiliki oleh kedua-dua negara ini. **Persetujuan dan kompromi antara kedua-dua pihak yang berunding dan yang dimuatkan dalam Artikel IV Konvensyen 1891 membawa kepada kewujudan garisan yang memisahkan di antara semua wilayah Belanda dengan wilayah British di kawasan ini.** Artikel IV memberitahu kita bahawa garisan pemisah ini dikenali sebagai garis 4' 10".

Bahagian teks yang seterusnya menyampaikan interpretasi Sir Arthur Watts tentang panjangnya garisan pemisah 4' 10" yang dimaksudkan itu. Mengikut beliau, garis 4' 10" itu "dimaksudkan untuk merentang ke luar lautan sejauh dan seluas yang diperlukan untuk memisahkan wilayah-wilayah lautan Belanda dan British di kawasan ini" dan kemudiannya "melintas dengan jelas ke utara Sipadan, dan juga ke utara Ligitan; oleh demikian, memberikan hak pemilikan kedua-dua buah pulau kepada Belanda". Dengan berkata demikian, tujuan dan maksud Sir Arthur Watts adalah untuk merumus serta menegaskan bahawa kepanjangan garis 4' 10"

itu boleh memanjang sepanjang-panjangnya dalam interpretasi Indonesia tentang Artikel IV, untuk meletakkan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan ke selatan garis 4' 10" itu. Ini membawa kepada pengertian bahawa oleh sebab wilayah-wilayah yang dimiliki oleh Belanda kini berada dalam tangan Indonesia ekoran daripada Konvensyen 1891 antara Belanda dengan Britain, Sipadan dan Ligitan kini harus dimiliki oleh Indonesia, sementara wilayah-wilayah yang terletak ke utara garis itu dimiliki oleh Malaysia.

Untuk makluman para pembaca, teks yang memperlihatkan salah satu daripada percubaan Indonesia untuk meyakinkan mahkamah tentang garis 4' 10" yang merentang ke luar lautan adalah dengan menarik perhatian mahkamah kepada sebuah peta di skrin, yang menunjukkan lokasi garis 4' 10" untuk manfaat mahkamah dan pihak-pihak lain, yang mengikuti sidang Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 3 Jun 2002 itu. Peta ini memperlihatkan garis 4' 10" sebagai bersambungan laluananya sepanjang dunia bersama-sama dengan garis-garis bujur dan lintang yang lain. Tujuan dipamerkan peta ini adalah untuk memperlihatkan lokasi kedua-dua pulau ini, yang kedudukannya adalah ke selatan dari garis 4' 10", yang menyokong interpretasi Indonesia bahawa pemisahan wilayah-wilayah oleh garis 4' 10" dalam Artikel IV memberikan hak kepada Indonesia untuk menguasai kedua-dua pulau itu. Interpretasi begini oleh Indonesia tentang tujuan mereka yang menggubal Konvensyen 1891 untuk menetapkan kedudukan Sipadan dan Ligitan melalui satu garis lintang, yang nampaknya tidak mempunyai had penghujungnya dan boleh pula diperluas mengelilingi dunia, akan dipertikaikan kemudiannya oleh Malaysia.

Oleh yang demikian, bagaimanakah Indonesia menyimpulkan bahawa garis 4' 10" merentang ke luar lautan "sejauh dan seluas yang diperlukan" (*so far as necessary*)? Hal ini dibahaskan dalam Teks 2 di bawah.

Teks 2 yang berikut menyampaikan tuntutan Indonesia ke atas dua buah pulau itu, ekoran peruntukan Konvensyen 1891 dan sempadan yang dipersetujui, iaitu garis 4' 10".

Teks 2

Ia kini berada di skrin, dan pada tanda 8 dalam fail para hakim. Ia adalah sebuah peta yang diserahkan kepada Parlimen Belanda semasa proses yang membawa kepada pengesahan Konvensyen 1891. Ia menunjukkan, dengan garisan merah, garisan yang dipersetujui dalam Konvensyen itu. Ia jelas daripada peta ini bahawa Kerajaan Belanda, dan Parlimen, memahami bahawa Konvensyen 1891 mewujudkan satu garisan yang merentang ke luar lautan sepanjang garis 4' 10", dan

melempi pantai Pulau Sebatik – seperti yang disyaratkan dalam Artikel IV, garisan ini “bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu”. Peta ini dimaklumkan oleh Diplomat British di *The Hague* kepada Pejabat Luar Negara di London. Kerajaan British tidak pun membantah dalam apa-apa bentuk tentang pemaparan garisan itu di atas peta, dan telah juga bersetuju menerimanya kerana tidak pun membantah.

(Mahkamah Keadilan Antarabangsa, 3 Jun 2002)

Dalam Teks 2, analisis kandungan dan perkaitan memperlihatkan bahawa Indonesia membuat tuntutan ke atas kedua-dua pulau itu melalui tiga cara, dengan tujuan meyakinkan mahkamah tentang keabsahannya dalam Konvensyen 1891 seperti yang dinyatakan dalam Teks 1. Cara pertama adalah dengan memperlihatkan penglibatan Kerajaan Belanda dan Parlimennya. Cara kedua adalah dengan menunjukkan kewujudan garis 4' 10" di atas sebuah peta lain yang dianggap oleh Indonesia, yang memperlihatkan proses “yang membawa kepada pengesahan Konvensyen 1891”, dan cara terakhir adalah dengan menyebut sekali lagi tentang garisan sempadan yang dipersetujui bersama, tetapi pada kali ini sebagai “garisan merah, garisan yang dipersetujui dalam Konvensyen itu”, pada peta.

Dalam Teks 2, lakuan bahasa yang utama, yang ditegaskan oleh Sir Arthir Watts ialah pengulangan, yang memperlihatkan beliau mengulangi pendapat yang dinyatakan dalam Teks 1, bahawa peluasan garis 4' 10" yang dinyatakan oleh Indonesia “untuk merentang ke luar lautan sejauh dan seluas yang diperlukan”, sementara membuat kenyataan tentang lokasi Sipadan dan Ligitan yang berada ke selatan garis 4' 10”.

Di sini, cara pengulangan sebagai strategi bahasa ditegaskan melalui penggunaan perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang memperlihatkan kepada Indonesia bahawa garis 4' 10" bukan sahaja “merentang ke luar lautan sepanjang garis 4' 10" (*extends out to the sea along the 4' 10" parallel*), tetapi peluasan itu juga (penekanan penulis makalah) adalah sehingga “melempi pantai Pulau Sebatik – seperti yang disyaratkan dalam Artikel IV, garisan ini bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu”. Ini memperlihatkan bahawa tuntutan Indonesia terhadap garis 4' 10" yang merentang “ke luar lautan sepanjang garis 4' 10”, disandarkan kepada interpretasi mereka tentang makna frasa **bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu**. Dengan ini, garis 4' 10" akan bersambungan sehingga melewati kedua-dua pulau itu ke selatan garis 4' 10" itu. Ini bermakna bahawa garisan itu hendaklah juga melewati pantai Pulau Sebatik (*beyond the coast of the island of Sebatik*). Sesungguhnya, dengan

menegaskan bahawa garis 4' 10" bersambung "melepasi pantai Pulau Sebatik", Indonesia, tujuan Sir Arthur Watts, melalui lakuan bahasa utama yang bersifat mengulang itu adalah untuk menggalakkan kemunculan lakuan bahasa yang bukan utama, iaitu menuntut dan menegaskan, untuk memperlihatkan kesinambungan garisan itu yang menghala ke timur, satu hujah yang penting untuk kes Indonesia. Penggunaan perkataan **melepasi** memperlihatkan tujuan Sir Arthur Watts untuk membuat pewajaran bahawa hujah yang disampaikan itu mempunyai implikasi bahawa sesuatu terletak di "penghujung sana atau di luar sana" (*the further side or outside the range of*), yang kepada Indonesia, merupakan hujah yang menyokong interpretasi Indonesia, yang mahu disampaikan kepada mahkamah.

Akhir sekali, penglibatan Kerajaan British berkenaan dengan garisan merah dalam peta juga disebut. Tujuan Sir Arthur Watts di sini adalah untuk membangkit serta mengulangi tujuan Belanda dan Britain untuk menyelesaikan perselisihan faham tentang wilayah (lihat Teks 1). Di sini, juga dengan berkata "**Kerajaan British tidak pun membantah dalam apa-apa bentuk tentang pemaparan garisan itu di atas peta, dan telah juga bersetuju menerimanya kerana tidak pun membantah**", kita boleh membuat kesimpulan berdasarkan frasa-frasa yang dicetak tebal bahawa tujuan Sir Arthur Watts adalah untuk menyampaikan interpretasi Indonesia tentang persetujuan Britain untuk membahagikan kedua-dua wilayah daratan dan lautan yang dimiliki oleh kedua-dua buah negara. Oleh sebab tiadanya bantahan formal oleh Britain tentang garisan pemisah yang dimaksudkan, Britain diandaikan sebagai memersetujui cadangan tentang garisan pemisah itu. Oleh hal demikian, garisan pemisah 4' 10" wujud dan sah di sisi undang-undang.

Harus disebutkan di sini bahawa di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, garisan merah yang diperlihatkan di atas peta itu, walau bagaimanapun, merentang sekitar enam inci sahaja melepasi pantai Pulau Sebatik. Hal ini dapat dilihat dengan jelas oleh ahli-ahli Mahkamah Keadilan Antarabangsa, delegasi Malaysia dan Indonesia serta pihak-pihak lain yang hadir di Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 3 Jun 2002, semasa peta yang mempunyai garisan merah itu ditayangkan di skrin. Walau bagaimanapun, interpretasi Indonesia terhadap kepercayaan dan keyakinan mereka bahawa garisan itu bersambung sehingga menghala ke arah timur, dan melepasi keluasan enam inci pada pantai Sebatik, seperti yang ditunjukkan itu, tetap dipertahankan. Usaha mempamerkan dua buah peta itu dalam perbicaraan, sebuah yang menunjukkan garis 4' 10" sebagai bersambung mengelilingi dunia dan sebuah lagi yang menunjukkan keluasan enam inci itu, bertujuan

membantu interpretasi Indonesia tentang pewajaran tuntutananya ke atas kedua-dua buah pulau itu. Ini dipertikaikan oleh pihak peguam Malaysia. Pertikaian ini akan dibincangkan kemudian dalam makalah ini.

Lakuan bahasa pengulangan digunakan semula dalam Teks 3 di bawah sebagai strategi bahasa yang dipilih untuk menegaskan hujah-hujah penting dalam tuntutan Indonesia. Semua hujah penting ini ditegaskan melalui penggunaan frasa “seperti yang telah pun dijelaskan”. Di sini, walau bagaimanapun, berbanding dengan keterangan yang terkandung dalam Teks 1 dan Teks 2, tujuan Sir Arthur Watts untuk menegaskan bahawa wilayah-wilayah yang dimiliki oleh Belanda dan Britain, yang pada masa ini berada dalam tangan Indonesia dan Malaysia, kini disebut secara eksplisit melalui frasa-frasa “pusaka daripada pemerintah penjajah, kini merupakan sempadan di antara wilayah milikan Indonesia dan Malaysia”, dan khususnya perkataan “pusaka” yang membawa makna sesuatu yang diberikan atau diwariskan kepada penerima yang sah.

Teks 3

Konvensyen 1891 setelah mewujudkan garis lintang 4' 10" Utara sebagai had milikan Belanda dan British dalam kawasan itu, garisan itulah, yang oleh sebab pusaka Indonesia dan Malaysia daripada bekas penjajah masing-masing negara, kini merupakan sempadan di antara milikan Indonesia dan Malaysia. Garisan yang dipersetujui itu, seperti yang dijelaskan, memberi Belanda kekuasaan ke atas dua buah pulau itu yang kini menjadi rebutan, kerana kedua-duanya terletak ke selatan dari garis yang dipersetujui itu: oleh yang demikian, kedua-duanya kini dimiliki oleh Indonesia. Hak itu yang berasaskan perjanjian, mempunyai kuasa perundangan yang paling penting dalam mewujudkan kedaulatan pada masa ini ke atas Ligitan dan Sipadan.

Melalui konsep “pusaka”, lakuan bahasa Sir Arthur Watts yang utama adalah untuk menegaskan bahawa Indonesia merupakan penerima yang sah kepada wilayah-wilayah yang terletak di selatan dari garis 4' 10' itu. Penegasan ini bahawa Indonesia ialah penerima yang sah juga dinyatakan dalam dua teks yang terdahulu. Teks 3 juga menyatakan dengan jelas tentang “kuasa perundangan yang paling penting” (overriding legal effect) tentang “hak” (title), “berasaskan perjanjian” (being treaty-based) untuk wilayah-wilayah selatan dari garisan itu kepada Indonesia. Perkataan-perkataan dan frasa-frasa ini mencadangkan bahawa maksud Sir Arthur Watts untuk menegaskan kuasa perundangan tentang hak itu adalah untuk menyampaikan

serta menegaskan hujah bahawa hak-hak sesebuah negara itu berdasarkan perjanjian yang dibuat, haruslah dihormati selaras dengan kesesuaian undang-undang. Malaysia, Mahkamah, serta para pengamal undang-undang hendaklah juga menghormati sesuatu syarat perjanjian itu sebagai mengikat dari segi undang-undang.

Teks 4 hingga Teks 6 yang berikut ini memperlihatkan maksud Sir Arthur Watts untuk membujuk Mahkamah tentang garisan yang “merentang ke luar lautan sejauh dan seluas yang diperlukan” sepanjang garis 4’ 10” itu, dengan memberi fokus kepada perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang terkandung dalam Artikel IV, yang mengikut interpretasi beliau **memang** merentang ke luar lautan untuk memasukkan kedua-dua Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan ke selatan garis 4’ 10’ itu.

Penelitian teks-teks ini akan dilakukan mengikut bahagian-bahagian yang sesuai untuk memudahkan analisis dan pembacaan.

Dalam Teks 4 di bawah, Sir Arthur Watts menggunakan kaedah pengulangan sekali lagi untuk menonjolkan fokus tentang tuntutan Indonesia, dengan merujuk kepada bahagian-bahagian dalam Teks 4 yang difikirkan penting kepada kes Indonesia.

Teks 4

Bahawa itulah maksud di sebalik Artikel IV yang terbukti daripada ungkapan bahasanya. Ia merujuk kepada garisan itu, yang bermula pada 4’ 10” Utara di pantai, sebagai “bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu”. Keseluruhan pengertian tentang “persambungan” mendatar, khususnya apabila dipertegas dengan perkataan “sepanjang”, tidak merangkumi garisan yang hanya mempunyai keluasan yang terhad dengan satu titik penghujung yang terdekat, tetapi sebaliknya melambangkan satu garisan yang panjangnya tidak pasti.

Untuk melihat bahawa hal ini begitu sifatnya, seseorang itu perlu hanya membandingkan terma-terma Artikel IV dengan ungkapan bahasa yang menerangkan titik penghujung sempadan daratan yang menghala ke barat dari titik permulaannya di pantai timur Borneo. Artikel II menghuraikan dengan agak tuntas tentang sempadan yang menghala ke barat, dan kemudian tentang bahagian yang sesuai tentang Artikel III yang menyatakan bahawa sempadan itu bermula “[d]ari puncak banjaran gunung-ganang yang disebutkan dalam Artikel II, ke Tandjong-Datoe di pantai barat Borneo”. Di sini, terbuktilah bahawa pihak-pihak terlibat inginkan sempadan itu

ditamatkan pada satu titik di pantai, dan mereka tidak menghadapi masalah dalam menyatakan hal ini. “Bersambung ke” satu titik yang khusus adalah amat tidak sama maknanya dengan “bersambung sepanjang” satu garisan yang khusus. Dengan berkata, berkaitan dengan bahagian hujung timur garisan itu, bahawa ia “bersambung sepanjang” garisan yang dimaksudkan itu, pihak-pihak yang terlibat diandaikan telah menyatakan, bukan sahaja dalam bentuk syarat tetapi juga secara perbandingan dengan apa yang mereka nyatakan dalam Artikel III, secara persis apa yang mereka maksudkan – bahawa garisan itu hendaklah “bersambung sepanjang” garisan itu.

Dalam Teks 4, frasa yang dipilih untuk ditegaskan adalah “bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu” (*continued eastward along that parallel*) yang merujuk khusus kepada perkataan-perkataan “bersambung” dan “sepanjang”. Sebelum Teks 4, pentingnya makna kedua-dua perkataan itu telah diulangi dan dilakukan secara bayang-bayangan oleh Indonesia. Di sini, dalam Teks 4, maksud Sir Arthur Watts adalah untuk menegaskan kedua-dua perkataan “bersambung” dan “sepanjang” kerana pengertian kedua-dua perkataan itu dianggap penting untuk kes Indonesia. Di sini, maksud Sir Arthur Watts juga adalah untuk membayangkan bahawa interpretasi yang akan disampaikan oleh Indonesia ialah penggunaan frasa-frasa ini yang merujuk kepada satu garisan yang panjangnya “tidak pasti” (*indeterminate*), dan bukannya satu “garisan yang hanya mempunyai keluasan yang terhad dengan satu titik penghujung yang terdekat”, untuk menegaskan panjangnya garisan itu yang boleh memanjang sehingga ke lautan untuk melalui utara Sipadan dan Ligitan, yang akan meletakkan kedua-dua pulau itu di bawah penguasaan Indonesia. Kaedah pengulangan digunakan sekali lagi oleh Sir Arthur Watts dalam interpretasinya mengenai garisan itu yang melepasi Pulau Sebatik. Di sini, penggunaan pengulangan oleh Sir Arthur Watts boleh ditunjukkan dalam frasa “garisan itu yang bermula pada 4' 10" Utara di pantai”, yakni hanya selepas pantai Sebatik, yang garisan itu “bersambung ke arah timur sepanjang”. Jika peguam Indonesia itu boleh meyakinkan Mahkamah tentang interpretasi ini, barulah mereka boleh menganggap kes mereka sebagai kuat untuk menuntut pulau-pulau itu.

Pada perenggan kedua dalam Teks 4, pewajaran tentang panjangnya garis 4' 10" dihuraikan dengan lebih lanjut oleh Sir Arthur Watts.

Pertama sekali, frasa itu dalam Teks 4, menyatakan bahawa pihak-pihak yang terlibat berjaya menyatakan dengan tepat tentang sempadan yang bermula “[d]ari puncak banjaran gunung-ganang yang disebutkan dalam

Artikel II, ke Tandjong-Datoe di pantai barat Borneo”, mengemukakan maksud Sir Arthur Watts untuk menegaskan bahawa pengertian frasa “bersambung sepanjang” mempunyai justifikasi, sebelum ini ekoran daripada ketetapan sedar yang dibuat oleh kedua-dua pihak dalam Konvensyen 1891, untuk menghadkan wilayah-wilayah seperti yang telah dinyatakan pada perenggan dua dalam Teks 4. Dengan ini, ketetapan sedar ini, menunjukkan bahawa kedua-dua pihak yang terlibat memahaminya dengan jelas, apabila dikehendaki, untuk menyatakan perincian-perincian sesuatu sempadan itu. Berdasarkan ini, dengan membuat keputusan tentang frasa “bersambung sepanjang”, yang pada interpretasi Indonesia tidak pun menetapkan satu destinasi yang khusus, ia menyampaikan maksud kedua-dua pihak untuk mempertimbangkan garisan itu sebagai “masih bersambung sepanjang” satu garisan yang “tidak pasti”, dan bukan satu garisan yang “terhad”. Suasana tegang tentang maksud antara “kejelasan” dengan “ketidakjelasan” garis 4’ 10” dibincangkan lagi dalam Teks 5 yang berikut.

Dalam Teks 5 yang berikut, pentingnya kepanjangan garis 4’ 10” untuk Indonesia menjadi fokus sekali lagi.

Teks 5

Ti adanya satu penghujung yang tetap untuk garisan itu tidak, sudah tentu, bermakna bahawa garisan itu berterusan sewenang-wenangnya, mengikuti garis 4’ 10” itu sehingga mengelilingi dunia: satu garisan tidak jelas tidak sama dengan satu garisan yang tiada penghujungnya. Seperti semua syarat perjanjian, ia hendaklah diinterpretasikan dalam konteksnya, dan dibantu oleh objektif dan tujuan perjanjian tersebut. Berdasarkan pengertian ini, garisan itu bersambung hanya sejauh yang diperlukan, untuk menyelesaikan secara tepat keseluruhan masalah ini yang melibatkan persaingan tuntutan wilayah Belanda dan British di kawasan ini: garisan itu bersambung sehingga yang diperlukan untuk membahagikan pulau-pulau atau wilayah-wilayah yang hak milikannya mungkin boleh menimbulkan perselisihan pada masa akan datang. Ini sudah tentunya melibatkan kawasan menghala sejauh yang boleh sehingga Ligitan – dan untuk tujuan masa kini tidak perlulah untuk dipertimbangkan sama ada terdapat titik tertentu yang lebih jauh, yang garisan itu perlu sampai. Bahawa Artikel IV sememangnya berkenaan dengan Sebatik tidak pun dinafikan oleh Indonesia. Bahawa Artikel IV mensyaratkan bahawa garis 4’ 10” Utara melalui “secara menyilang” Sebatik, dan membahagikan pulau tersebut sepanjang garisan itu juga tidak dinafikan oleh Indonesia. Tetapi, seperti yang ditegaskan oleh Malaysia, Artikel IV mempunyai ketetapan tentang satu garisan yang

hanya dikaitkan dengan Sebatik, dan tidak pun berterusan melepasi pantai timur Sebatik, dinafikan sekeras-kerasnya.

Dalam Teks 5 di atas, Sir Arthur Watts cuba melanjutkan perbahasan Indonesia bahawa kepanjangan garis 4' 10" adalah cukup panjang untuk meletakkan kedua-dua pulau dalam kekuasaan Indonesia. Sehingga ini, garisan itu secara tegasnya dirujuk sebagai bersambung "ke arah timur sepanjang garisan itu", "bersambung seluas yang diperlukan", satu "garisan yang tidak pasti" dan bukan "satu garisan yang hanya mempunyai keluasan yang terhad dengan satu titik penghujung yang terdekat". Di sini, Sir Arthur Watts menokok perbahasan di atas dengan membezakan "garisan tidak jelas" dengan "garisan yang tiada penghujungnya". Ini memperlihatkan bahawa maksud Sir Arthur Watts untuk menegaskan bahawa garisan itu bukan yang "tiada penghujungnya", tetapi bahawa "garisan" itu memang berhenti "di sesuatu tempat". Oleh itu, ia bukannya satu garisan yang "tiada had". Di manakah terletak "sesuatu tempat" ini? Mengikuti Teks 5, ia merupakan lokasi sepanjang garis 4' 10" yang menyelesaikan "secara tepat keseluruhan masalah ini yang melibatkan persaingan tuntutan wilayah Belanda dan British di kawasan ini: garisan itu bersambung sehingga yang diperlukan untuk membahagikan pulau-pulau atau wilayah-wilayah yang hak milikannya mungkin boleh menimbulkan perselisihan pada masa akan datang. Ini sudah tentunya melibatkan kawasan menghala sejauh yang boleh sehingga Ligitan". Sir Arthur Watts mengulangi makna frasa "bersambung seluas yang diperlukan" sekali lagi dalam Teks 6 (lihat juga Teks 2 dan Teks 1, 3-5 yang makna ini dinyatakan secara implisit). Ini bertujuan untuk menegaskan secara berulang-ulang pandangan Indonesia bahawa kepanjangan garisan itu adalah cukup panjang untuk meliputi Sipadan dan Ligitan sebagai hak Indonesia. Kemudian, dengan menyatakan bahawa "untuk tujuan masa ini tidak perlulah untuk dipertimbang sama ada terdapat titik tertentu yang lebih jauh yang garisan itu perlu sampai", dan secara khususnya, dengan makna yang dinyatakan oleh perkataan "perlu", maksud Sir Arthur Watts adalah untuk mencadangkan bahawa kepanjangan garis 4' 10" hendaklah mempunyai satu destinasi. Destinasi ini yang dicadangkan dengan menggunakan perkataan "sampai" tidak seharusnya, dalam pandangan Indonesia, dijadikan faktor yang melemahkannya dalam kes yang memperlihatkan ia sudah pun mencukupi, yang garisan itu bersambung sejauh yang boleh ke timur sehingga Ligitan, seperti yang terdapat pada interpretasi tentang Artikel IV. Kenyataan ini kemudiannya akan membantah interpretasi Malaysia tentang garisan itu yang berhenti di pantai timur

Sebatik, dan tidak berterusan sehingga ke lautan. Oleh sebab interpretasi ini tidak menyokong kes Indonesia dengan baik, ia sememangnya “dinafikan sekeras-kerasnya” dan dibantah di mahkamah.

Persoalan tentang garis 4’ 10” dan Pulau Sebatik menjadi fokus Sir Arthur Watts sekali lagi dalam Teks 6 di bawah.

Teks 6

Tetapi dengan berbicara tentang pulau itu secara sedemikian, pada pengertian klausa subsidiari dalam satu ayat tunggal yang membentuk Artikel IV, ia tidak memberikan makna untuk meletakkan satu had pada tema utama kepada teks itu: Bahawasanya garisan itu “bersambung ke arah timur sepanjang” garis lintang yang ditetapkan. Terma-terma Artikel IV, yang secara terang-terangan membicarakan Sebatik, kesemuanya adalah sesuai belaka untuk merangkumi juga pulau-pulau lain di lautan luas dalam kawasan ini. Saya berkata pulau-pulau di lautan luas “lain” khusus untuk dua tujuan. Yang pertama adalah bahawa Sebatik itu sendiri sememangnya adalah sebuah pulau. Ia tidak boleh digabungkan dengan tanah besar Borneo – terdapat satu bentangan air beberapa batu luasnya di antaranya dengan tanah besar itu. Ini sahaja adalah cukup untuk menunjukkan bahawa Konvensyen itu tidak boleh dianggap sebagai hanya membicarakan tanah besar Borneo sahaja.

Adalah juga amat relevan bahawa garis 4’ 10”, seperti yang ia bersambung ke arah timur dari pantai itu, melintasi hanya sebuah pulau–Sebatik. Kesenambungan garisan itu yang menghala ke timur, oleh itu, memerlukan penumpuan istimewa kepada hanya sebuah pulau itu sahaja, yang merupakan sebab tambahan untuk membicarakannya seperti ia dibicarakan dalam Artikel IV. Bahawa garis 4’ 10” itu sebagaimana yang dihuraikan dalam Artikel IV dikatakan bersambung “menyeberangi” Pulau Sebatik, tidak pun menyatakan apa-apa untuk membuktikan bahawa maksud pihak-pihak terlibat yang garisan itu harus berhenti di pantai timur pulau tersebut. “Menyeberangi” adalah satu istilah yang, dalam makna biasanya, membawa pengertian “melalui dan melintasi” sesuatu objek yang diseberangi itu. Garisan itu, yang “bersambung ke arah timur sepanjang” garis lintang yang ditetapkan, sememangnya melintasi pulau itu. Tetapi ia tidak sekali-kali menyatakan bahawa ia berhenti di situ–dan sudah tentu ia tidak berbuat demikian apabila terdapat banyak lagi petanda lain, yang tidak pun mengandungi bukti tentang tujuan komprehensif untuk menghindari perselisihan oleh pihak-pihak terlibat, bahawa dengan menggunakan

perkataan-perkataan “bersambung ke arah timur”, kedua-dua pihak ini mempunyai pemahaman sedemikian. Perkataan-perkataan itu hendaklah difahami maksud seperti pada erti yang dibawanya.

Dalam Teks 6 di atas, pengulangan digunakan sekali lagi oleh Sir Arthur Watts sebagai lakuan bahasa utama untuk menegaskan lagi kesinambungan garisan itu yang melepasi Pulau Sebatik, melalui interpretasi frasa “bersambung ke arah timur sepanjang garisan itu”. Di sini, pengulangan tentang pentingnya kepanjangan garis 4' 10" disampaikan melalui analisis nahu dan linguistik. Pertamanya adalah status klausa utama dan kemudiannya status klausa subsidiari dalam ayat. Dengan mengatakan bahawa “pengertian klausa subsidiari dalam satu ayat tunggal yang membentuk Artikel IV, ia tidak memberikan makna untuk meletakkan satu had pada tema utama pada teks itu: bahawasanya garisan itu “berterusan menghala ke timur sepanjang garis lintang yang ditetapkan”, maksud Sir Arthur Watts adalah untuk mengingatkan Mahkamah bahawa sifat umum dan status sesuatu klausa subsidiari dalam ayat bahasa Inggeris adalah sokongan utamanya tentang makna yang disampaikan pada klausa utama. Selaras dengan teks-teks sebelum ini, ini juga bermakna bahawa garisan itu akan bersambung melepasi pantai Sebatik dan sejauh yang diperlukan sehingga sampai ke kedua-dua pulau itu. Untuk menyokong lagi interpretasi Indonesia tentang kepanjangan garis 4' 10" itu, Sir Arthur Watts menyetengahkan perkataan “menyeberangi” dalam klausa subsidiari pada ayat pertama untuk menyokong interpretasi yang dibuat. Ini bermakna, apabila dihubungkan dengan frasa “bersambung ke arah timur melalui dan melepasi”, ia menegaskan semula maksud Sir Arthur untuk mengemukakan pandangan Indonesia tentang kepanjangan garisan itu yang “cukup panjang”, untuk melepasi Sebatik bagi meletakkan kedua-dua pulau itu di bawah pemerintahan Indonesia.

Teks 6 juga telah mendedahkan maksud Sir Arthur Watts untuk menggalakkan Mahkamah untuk menyebelahi Indonesia, sebagai contoh, melalui lakuan bahasa mencadangkan bahawa “garis 4' 10" itu sebagaimana yang dihuraikan dalam Artikel IV dikatakan bersambung “menyeberangi” Pulau Sebatik, tidak pun menyatakan apa-apa untuk membuktikan bahawa maksud pihak-pihak terlibat yang garisan itu harus berhenti di pantai timur pulau tersebut”. Ini bermakna bahawa Indonesia mempercayai bahawa dalam ketiadaan perhentian terakhir yang khusus di pantai timur Sebatik, kesinambungan garis 4' 10" Utara itu yang “menyeberangi” dan “melepasi” Pulau Sebatik, bolehlah difahami. Perkataan-perkataan dalam Artikel IV

pada pendapat para peguam Indonesia “hendaklah difahami maksud seperti pada erti yang dibawanya”.

Bahagian 2: Interpretasi Malaysia tentang Artikel IV Konvensyen 1891

Teks 7a-7c memperlihatkan lakuan-lakuan bahasa yang terdapat pada tindak balas Sir Elihu Lauterpacht, kepada perbahasan yang dikemukakan oleh Sir Arthur Watts. Dalam konteks ini, tindak balas Sir Elihu Lauterpacht memberi tindak balas kepada interpretasi Indonesia (melalui Sir Arthur Watts) tentang Konvensyen 1891, dan perbahasan Indonesia tentang keluasan yang dipersetujui mengenai garis 4’ 10”, yang bersambung di kawasan sepanjang pantai Sebatik, oleh Belanda dan Great Britain. Tindak balas Sir Elihu Lauterpacht rata-ratanya adalah panjang. Dengan ini, tindak balasnya dibahagikan kepada 3 bahagian: Teks 7a, Teks 7b, dan Teks 7c untuk memudahkan perbincangan.

Tinjauan yang dibuat ke atas teks Sir Elihu Lauterpacht mendapati wujudnya penggunaan beberapa lakuan bahasa: meyakinkan, membujuk, menanya, mencurigai, mengkritik, menegaskan, tidak bersetuju, dan membantah.

Salah satu daripada tindakan awal Sir Elihu Lauterpacht ialah beliau mengkritik hujah-hujah Sir Arthur Watts tentang Artikel IV. Beliau memulakan tugas ini dalam Teks 7a di bawah yang “dengan hormatnya” mengajak “Mahkamah untuk meneliti kembali beberapa soalan yang mempunyai kelemahan yang ketara dalam perbahasan Indonesia berkenaan dengan interpretasi mengenai Konvensyen 1891”. Dengan menarik perhatian Mahkamah terhadap “kelemahan-kelemahan ketara” pada perbahasan Indonesia, maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk meyakinkan dan memujuk ahli-ahli Mahkamah, untuk menyoal kesahihan perbahasan Indonesia berkenaan dengan interpretasi mereka tentang Artikel IV Konvensyen 1891.

Dalam Teks 7a juga, tindakan Sir Elihu Lauterpacht menyoal adalah untuk membantah kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Sir Arthur Watts sebagai dasar perbahasannya untuk menuntut kedua-dua pulau itu. Soalan pertama (Soalan 1, Teks 7a, perenggan kedua) oleh Sir Elihu Lauterpacht mempersoalkan interpretasi Indonesia tentang kepanjangan garis 4’ 10” itu. Di sini, kesahihan kenyataan-kenyataan yang terdahulu dipersoal dengan mengetengahkan percanggahan antara bukti dan fakta yang diberikan oleh Sir Arthur Watts kepada Mahkamah dan tuntutan yang dibuat oleh Indone-

sia tentang kepanjangan garis 4' 10" itu. Percanggahan fakta dan bukti ini diperlihatkan pada sebuah peta yang ditunjukkan oleh Indonesia, yang menyaksikan Sir Elihu Lauterpacht membuat kenyataan bahawa "kawasan-kawasan yang menjadi tuntutan sebagai milik pihak-pihak terlibat dihadkan kepada satu kawasan di pulau Borneo, yang tidak berada berhampiran di mana-mana pun di kawasan lautan dan pulau-pulau berkenaan". Dengan menarik perhatian Mahkamah kepada kenyataan ini, maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk membantah keabsahan hujah Sir Arthur Watts, yang berkenaan dengan tuntutan-tuntutan terhadap kawasan-kawasan laut yang berhampiran dengan Sipadan dan Ligitan. Berdasarkan bukti dan fakta Indonesia sendiri, "peta penuh informasi yang dimiliki oleh Indonesia—yang merupakan tanda 6 dalam fail para hakim pada 3 Jun", tidak pun menyokong kes Indonesia. Jika inilah keadaannya, Mahkamah hendaklah juga bersetuju bahawa Indonesia tidak mempunyai kes untuk menuntut Sipadan dan Ligitan.

Teks 7a

Rakan saya yang disanjung, Profesor Jean-Pierre Cot akan memberi tindak balas kepada hujah ini secara sistematik lagi terperinci. Pada masa yang sama, saya akan, dengan segala hormatnya menjemput Mahkamah untuk meneliti kembali beberapa soalan yang mempunyai kelemahan-kelemahan ketara dalam perbahasan Indonesia berkenaan dengan interpretasi mengenai Konvensyen 1891. Pada Isnin, Sir Arthur Watts menyentuh tentang Pendahuluan Konvensyen yang mentakrifkan objektif dan tujuannya. Perkataan-perkataan yang menjadi sandaran beliau adalah "menjadi hasrat untuk mentakrifkan sempadan-sempadan di antara milikan-milikan Belanda di pulau Borneo dan wilayah-wilayah takluknya di Pulau itu yang berada di bawah perlindungan British". Sir Arthur Watts tidak pun berkata apa-apa tentang had sempadan-sempadan itu di daratan di pulau berkenaan.

Soalan 1: Mengapa harus takrif tentang sempadan-sempadan di antara milikan pihak-pihak yang terlibat "di pulau itu" diperluas ke lautan sehingga lebih daripada 50 batu ke arah timur, selatan Semenanjung Semporna, bila, mengikut peta penuh informasi yang dimiliki oleh Indonesia—yang merupakan tanda 6 dalam fail para hakim pada 3 Jun—kawasan-kawasan yang menjadi tuntutan sebagai milik pihak-pihak yang terlibat dihadkan kepada satu kawasan di pulau Borneo, yang tidak berada berhampiran di mana-mana pun di kawasan lautan dan pulau-pulau berkenaan?

Soalan 2: Dalam urutan penyoalan yang sama, bagaimanakah sempadan yang disebut sebagai berterusan dari pantai timur Borneo seberang dari pulau itu, dari timur ke barat, boleh terjadi luas menghalau ke timur dan menyeberangi lautan lebih daripada 55 batu nautika? Bagaimanakah peluasan itu atau kesinambungan itu terjadi? Adakah ia terjadi hanya dengan penggunaan perkataan-perkataan “menyeberangi Pulau Sebatik?” Mengapa selepas menetapkan bahawa sempadan itu harus bersambungan menyeberangi Pulau Sebatik, adakah seluruh daripada lebihan Artikel itu, Artikel (4), hanya berkaitan dengan penetapan bahagian pulau berkenaan ke utara garisan itu tanpa sebarang had kepada syarikat itu dan bahagian pulau itu yang berada di selatan dari garisan itu kepada Belanda? Kalaulah maksudnya adalah juga untuk membahagikan wilayah-wilayah di lautan, mengapakah Artikel itu tidak juga menyatakan, dan saya mencipta kata-kata kutipan “dan pulau-pulau yang terletak ke utara dari garisan itu akan dimiliki oleh BNBC dan pulau-pulau ke selatan akan dimiliki oleh Belanda”? Ini mungkin akan menjadi cara yang lengkap lagi logikal untuk menyatakan objektif yang dikatakan kini oleh Indonesia tentang maksud Artikel itu yang ingin diperoleh.

Pada Soalan 2 dalam Teks 7a, maksud Sir Elihu Lauterpacht untuk menyangkal hujah Indonesia bahawa garis 4' 10" “menghalau ke timur dan menyeberangi lautan lebih daripada 55 batu nautika”, yang tidak pun dinyatakan secara eksplisit dalam Artikel IV. Perkataan-perkataan dan frasa-frasa itu dalam Soalan 2 memperlihatkan pandangan Malaysia tentang Artikel IV, yang secara khususnya memperuntukkan hanya sempadan daratan, yang secara khusus terbahagi kepada dua bahagian (penetapan bahagian pulau ke utara garisan itu tanpa sebarang had kepada syarikat itu, dan bahagian pulau yang berada selatan dari garisan itu kepada Belanda). Secara logiknya, pada pandangan Malaysia, kalau pihak-pihak terlibat dengan Konvensyen 1891 berharap bahawa sempadan lautan itu dibahagikan sedemikian rupa, mereka sudah tentu mewujudkan syarat-syarat khusus seperti “dan pulau-pulau yang terletak ke utara dari garisan itu akan dimiliki oleh BNBC dan pulau-pulau ke selatan akan dimiliki oleh Belanda”. Oleh sebab pihak-pihak yang terlibat dengan Konvensyen ini tidak berbuat demikian, pada pandangan Malaysia, pihak-pihak ini tidak pun mempunyai hasrat khusus untuk berbuat demikian. Dengan ini, Sir Elihu Lauterpacht menunjukkan bahawa Indonesia membuat interpretasi tentang satu garisan di lautan yang tidak pernah pun dibuat oleh kedua-dua pihak. Maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk memperlihatkan bahawa Indonesia tidak

mempunyai kes untuk menuntut pulau-pulau ini, dan oleh itu, terpaksa menggunakan interpretasinya sendiri terhadap perkataan-perkataan dan frasa-frasa dalam Artikel IV untuk mewajarkan tuntutananya.

Soalan 3 dalam Teks 7b di bawah, hasrat khusus pihak-pihak yang terlibat dengan Konvensyen 1891 sekali lagi menjadi fokus apabila Sir Elihu Lauterpacht berfikir “mengapa perkataan-perkataan **menyeberangi Pulau Sebatik** telah terus dimasukkan kalau makna yang diperbahaskan oleh Indonesia boleh pun difahami dengan mudahnya dengan berkata **dari pantai timur garisan sempadan itu yang hendaklah disambung menghala ke timur sepanjang garisan itu**”. Melalui lakuan bahasa bertanya, Sir Elihu Lauterpacht membuat kritikan semasa menyampaikan Soalan 2, dengan maksud untuk menegaskan perbahasan Malaysia bahawa sesuatu pembahagian kawasan lautan semestinya telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak, jika terdapat hasrat demikian rupa. Sebagai peringatan, ini merupakan hal yang berbeza dengan pandangan Indonesia, yang mana faktanya adalah bahawa tidak adanya syarat yang jelas dibuat oleh kedua-dua pihak untuk membahagikan kawasan lautan, menyatakan bahawa garisan itu sebagai bersambung menghala ke timur dan sepanjang kawasan-kawasan itu, dan dalam berbuat demikian, membahagikan kawasan ini. Di sini, melalui lakuan bahasa mengkritik dan membantah bukti dan fakta yang diketengahkan, tujuan Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk menegaskan bahawa Indonesia tidak mempunyai kes yang kuat untuk menuntut kedua-dua pulau ini.

Teks 7b

Soalan 3: Atau, kalau satu bentuk yang lebih pendek dalam perkataan-perkataan mungkin menjadi pilihan, lebih digemari, mengapa perkataan-perkataan “menyeberangi Pulau Sebatik” terus dimasukkan kalau makna yang diperbahaskan oleh Indonesia boleh pun difahami dengan mudahnya dengan berkata “dari pantai timur garisan sempadan itu yang hendaklah disambung menghala ke timur sepanjang garisan itu?” Tidakkah perkataan-perkataan “menyeberangi Pulau Sebatik” bertindak sebagai perkataan-perkataan yang membawa pengertian had, menghadkan garisan itu kepada kekebalan pulau itu? Dan apakah makna biasa perkataan “seberang” yang bererti “seberang” dan bukan “menyeberangi dan melepasi”? Kalau maksud tuan adalah garisan yang melebar sehingga “menyeberangi dan melepasi” sesuatu kawasan, tuan hendaklah menyatakan destinasi terakhirnya dengan cara begitu – dan sekali lagi saya mencipta kata-kata kutipan: “menyeberangi Pulau

Sebatik ke satu tempat khusus yang melepasiya". Adalah tidak memadai untuk membiarkan garisan itu tidak pasti, apatah lagi tidak berpenghujung.

Dalam Soalan 3 di atas, maksud Sir Elihu Lauterpacht seterusnya adalah untuk memperlekeh perbahasan yang disampaikan oleh Indonesia, dan ini sebenarnya menyambung tindakan-tindakan mengkritik dan membantah interpretasi Indonesia tentang perkataan "menyeberangi". Untuk mengulangi hal-hal penting, interpretasi Indonesia tentang perkataan "menyeberangi" bersama-sama dengan frasa "bersambung ke arah timur", adalah bahawa garisan 4' 10" itu bersambung melepasi pantai Sebatik. Ini bermakna bahawa garis 4' 10" itu bersambung "menyeberangi dan melepasi satu garisan tidak pasti" dan bukannya satu "garisan tidak berpenghujung". Maksud lakuan-lakuan bahasa yang digunakan terdahulu dari ini adalah untuk terus menguatkan kritikan Sir Elihu Lauterpacht dalam Soalan 3, Teks 7b tentang pandangan Indonesia berkenaan dengan "menyeberangi" dengan berkata "Tidakkah perkataan-perkataan 'menyeberangi Pulau Sebatik' bertindak sebagai perkataan-perkataan yang membawa pengertian had, menghadkan garisan itu kepada kelebaran pulau itu?" Dan apakah makna biasa perkataan "seberang" yang bererti "seberang" dan bukan "menyeberangi dan melepasi". Pada pandangan Malaysia, oleh demikian, "menyeberangi" bermakna bahawa garis 4' 10" bukan "tidak pasti" ataupun "tidak berpenghujung", tetapi terhad kepada Pulau Sipadan dan tidak "melepasi"nya. Ini adalah selaras dengan interpretasi Sir Elihu Lauterpacht berkenaan dengan makna biasa terhadap perkataan "menyeberangi", yang memberi pengertian bahawa sesuatu garisan yang bermula pada sesuatu titik dan akan berakhir pada satu titik lain. Dengan menyatakan keraguan-keraguan yang timbul berkali-kali tentang interpretasi Indonesia di Mahkamah, maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk meyakinkan Mahkamah bahawa interpretasi Indonesia tentang perkataan-perkataan "menyeberangi" dan "bersambung ke arah timur sepanjang" dalam Artikel IV adalah tidak sah.

Percubaan seterusnya oleh Sir Elihu Lauterpacht untuk meyakinkan Mahkamah tentang kelemahan-kelemahan ketara dalam kes Indonesia, disambung oleh beliau melalui kenyataan-kenyataan beliau dalam Soalan 4 dan Soalan 5 di bawah.

Soalan 4: Mengapa, kalau garisan itu dimaksudkan untuk menjadi garisan penetapan yang khusus, adakah tidak ada keselarasan di antara beberapa peta terkemudian yang di atasnya wujud – terutamanya atas peta

yang mempunyai tandatangan perwakilan Belanda, peta 19159?

Soalan 5: Dengan peluasan interpretasi yang bagaimanakah boleh, sesuatu garisan itu yang diperkatakan dalam jawapan-jawapan Indonesia sebagai garisan “sempadan” apabila dilukiskan di atas darat, dan juga di atas air di antara tanah besar Borneo dengan Sebatik, tiba-tiba tanpa berlaku variasi pada perubahan perkataan-perkataan, berubah kepada satu garisan penetapan di lautan, timur Sebatik? Harus diingatkan semula, ini berlaku pada masa – 1890-an – ketika konsep garisan penetapan difahami dengan jelas. Akan tetapi, jawapan balas Indonesia membantah bahawa garisan penetapan boleh disedut daripada penggunaan bahasa pada Perjanjian 1891 itu. Dalam kes mengehendkan tanah, (menggunakan perkataan-perkataan Indonesia) “Konvensyen itu berkesudahan dengan garisan sempadan”. Dalam kes tentang garisan di lautan “ia berkesudahan dengan penetapan pulau-pulau di setiap belah garisan itu”. Satu kenyataan; dua makna yang berbeza! Ia merupakan keputusan yang ganjil, sebagai satu komen.

Tindakan mengkritik sekali lagi merupakan kaedah yang digunakan oleh Sir Elihu Lauterpacht dalam membidas kekeliruan Indonesia tentang garisan sempadan dan garisan penetapan. Untuk memberi skema umum bagi memudahkan pembacaan, kajian-kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa kedua-dua garisan sempadan dan garisan penetapan ditentukan oleh dua atau lebih pihak dan kemudiannya disahkan oleh undang-undang. Secara umumnya, garisan sempadan berbeza dengan garisan penetapan. Had garisan sempadan adalah hanya tiga batu nautika ke luar dari pantai sesebuah kawasan daratan. Had garisan penetapan pula, bagaimanapun, boleh diperluas lebih daripada tiga batu nautika bergantung pada persetujuan-persetujuan yang dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat. Dalam perbahasan Indonesia yang terdahulu tentang kepanjangan garis 4' 10" itu, mereka telah menegaskan frasa “garisan sempadan” dalam Artikel IV dan menunjukkan bahawa garisan sempadan ini bersambung sejauh yang diperlukan sehingga melintasi kedua-dua pulau itu. Ini menunjukkan interpretasi tentang garisan sempadan sebagai bersambung melepasi tiga batu nautika, bertentangan dengan pemahaman lazim tentang makna garisan sempadan dan garisan penetapan dalam undang-undang antarabangsa.

Di sini dalam Soalan 5 pada Teks 7b di atas, maksud Sir Elihu Lauterpacht untuk menyoal kesahihan kes Indonesia apabila garisan sempadan terpaksa berhenti tiga batu nautika, akan menepatkan garisan itu bukan berdekatan dengan Sempadan dan Ligitan. Garisan penetapan, sebaliknya, tidak boleh dipersoalkan dalam Artikel IV sebagai hasrat Belanda dan Great Britain untuk penetapan yang melepasi Sebatik, yang

tidak pun dinyatakan secara eksplisit dalam Artikel IV. Tambahan lagi, “tidak ada ketekalan di antara beberapa peta terkemudian yang di atasnya wujud – terutamanya atas peta yang mempunyai tandatangan perwakilan Belanda, peta 19159”. Ini merupakan “peluasan interpretasi” (*stretch of interpretation*) yang dirujuk oleh Sir Elihu Lauterpacht dalam Soalan 5. Semua ini menunjukkan bahawa kalau kedua-dua pihak itu menginginkan garisan penepatan dalam 1891, garisan penetapan ini sudah pun menjadi satu ciri penting pada peta-peta terkemudian yang dikeluarkan oleh kedua-dua Belanda dan British. Oleh sebab indikasi tentang garisan penepatan ini tidak ada pada peta-peta terkemudian, maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk memperlihatkan keraguan ini untuk tindakan Mahkamah. Dengan ini, dalam mempersoalkan garisan penepatan di lautan apabila ia tidak pun disyaratkan dengan jelas dalam Konvensyen 1891 atau mana-mana perjanjian selepas itu, hendaklah dijadikan bukti kepada Mahkamah sekali lagi tentang kes yang dibawa oleh Indonesia itu tidak meyakinkan.

Dalam perenggan akhir Teks 7c di bawah, maksud Sir Elihu Lauterpacht untuk mengkritik sebagai satu kaedah untuk membantah kesahihan perbahasan yang disampaikan oleh Indonesia, disambung.

Teks 7c

Sir Arthur Watts berikhtiar untuk menguatkan perbahasan dengan membandingkan bahasa dalam Artikel III dan Artikel IV pada Konvensyen itu. Beliau menunjukkan bagi untuk menyatakan kenyataan dalam Artikel III bahawa sempadan itu bersambung “[d]ari puncak banjaran gunung-ganang yang disebutkan dalam Artikel II, ke Tandjong-Datoe di pantai barat Borneo”. Jadi, sambung Sir Arthur Watts, “terbuktilah bahawa pihak-pihak yang terlibat inginkan sempadan itu ditamatkan pada satu titik di pantai, dan mereka tidak menghadapi masalah dalam menyatakan hal ini”. Dan ini dibandingkan oleh beliau dengan bahasa dalam Artikel IV. Jadi kita sampai ke soalan yang seterusnya – yang saya telah pun lupa nombornya, marilah kita panggilnya Soalan 7(a): Adakah ia benar bahawa Artikel III menghuraikan bahagian penghujung barat sempadan itu dengan berkata bahawa ia berterusan sehingga ke pantai? Jawapannya adalah ia tidak. Sempadan itu berterusan ke satu tempat yang mempunyai nama Tandjoeng Dato, yang kebetulan terletak di pantai barat. Ia sampai ke bandar itu dengan mengikuti legeh di antara dua kumpulan sungai yang dikenal pasti, sungai-sungai yang mengalir ke lautan di utara Tandjoeng Dato dan sungai-sungai yang sampai ke lautan di selatannya. Tidak mungkin sempadan itu melintasi Sebatik dan disebutkan dengan cara

sedemikian, kerana tidak terdapat bandar atau tempat yang mempunyai apa-apa nama di pantai timur pulau itu, yang boleh dikenal pasti sebagai bahagian penghujung di timur pulau itu. Dalam apa-apa kes, di sektor timur itulah sempadan ini diwujudkan.

Dalam Teks 7c, tindakan Sir Elihu Lauterpacht menegaskan, pertamanya, kalau kedua-dua pihak yang terlibat pernah menghendaki garis 4' 10" itu berhenti di Pulau Sebatik, mereka sudah pun berbuat demikian. Dengan menegaskan bahawa "tidak mungkin sempadan itu melintasi Sebatik dan disebutkan dengan cara sedemikian, kerana tidak terdapat bandar atau tempat yang mempunyai apa-apa nama di pantai timur pulau itu, yang boleh dikenal pasti sebagai bahagian penghujung di timur pulau itu", tujuan Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk mengkritik dan membantah perbahasan Sir Arthur Watts di Mahkamah, dengan menunjukkan bahawa para penggubal Konvensyen 1891 itu tidak menyebut dengan tepat satu perhentian terakhir, bukan kerana mereka menghendaki garis 4' 10" berterusan melepasi Sebatik, yang boleh pun disebutkan sebagai perhentian terakhir, bukan seperti dalam Artikel III yang memperlihatkan sebuah perhentian terakhir yang ditetapkan di sebuah kawasan yang kebetulannya berada di pantai barat. Semasa kes ini, Sir Elihu Lauterpacht menyamakan perbahasan Indonesia seperti yang dirujuki dalam Teks 7c sebagai percubaan mereka untuk melakukan sesuatu yang implisit menjadi sesuatu yang eksplisit. Dengan berkata demikian, maksud Sir Elihu Lauterpacht adalah untuk membujuk Mahkamah supaya sama-sama bersetuju bahawa kes Indonesia bagi Sipadan dan Ligitan adalah cukup lemah dan tidak mempunyai justifikasi. Sipadan dan Ligitan hendaklah diberikan kepada Malaysia.

KESIMPULAN

Makalah ini memberikan fokus kepada maksud penutur melalui penggunaan pelbagai lakuan bahasa oleh Sir Elihu Lauterpacht, ketua peguam bagi Malaysia, dan Sir Arthur Watts, ketua peguam bagi Indonesia, yang berhubungan dengan interpretasi Artikel IV Konvensyen 1891, antara Belanda dengan Great Britain, dalam kes yang berkenaan dengan kedaulatan atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Data yang digunakan menunjukkan maksud penutur seterusnya digunakan sebagai strategi untuk membujuk Mahkamah supaya menyebelahnya; mengulang, membantah, tidak bersetuju, menegas, mendakwa, membujuk, mengkritik, mencadang, menyimpul, dan meyakinkan. Di sini,

adalah tidak keterlaluan kalau disimpulkan bahawa lakuan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan maksud penutur yang tertentu, didapati konsisten dalam kes mahkamah sedemikian, yang melibatkan dua pihak yang bertentangan, yang masing-masing cuba mengatasi yang satu lagi. Oleh sebab sifat lakuan bahasa yang mempunyai pelbagai kuasa ilokusi, kita sebenarnya boleh juga menyenaraikan lakuan-lakuan bahasa lain yang didapati wujud dalam ungkapan seseorang penutur itu. Dalam makalah ini, interpretasi penutur dan jenis lakuan bahasa yang digunakan dipelbagaikan analisisnya oleh yang pertamanya, kehadiran penulis di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di *The Hague*, pada sepanjang kes, dan keduanya, oleh interaksi informatif dengan para peguam yang nama mereka disebut dalam makalah, berkenaan dengan perbahasan dan hujah-hujah mereka.

Pertu juga disebut di sini bahawa Artikel IV tidak merupakan satu-satunya alat penting yang digunakan oleh Malaysia dan Indonesia untuk cuba mendapatkan kedaulatan kedua-dua Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Walaupun tidak merupakan fokus makalah ini, isu kekesanan juga merupakan hujah utama semasa berbahas dan berbahas balik antara Malaysia dengan Indonesia. Dalam makalah ini, catatan verbatim kedua-dua peguam diteliti dan dibincangkan. Sebenarnya, terdapat tiga orang peguam lain yang turut mewakili Malaysia. Mereka ialah Mr. James Crawford, Prof. Jean-Pierre Cot dan Prof. Nico Schrijver. Indonesia diwakili oleh empat orang peguam lain, iaitu Mr. Rodman R. Bundy, Prof. Alain Pellet, Ms. Loretta Malintoppi dan Prof. Alfred H. A. Soons.

Kes ini berakhir dengan Malaysia dianugerahkan kedaulatan atas Sipadan dan Ligitan pada 17 Disember 2002 dengan majoriti besar 16-1.

Dengan ini, garis 4' 10", hanya **menyebarangi** Sebatik dan tidak **melepasinya**.

RUJUKAN

- Crystal, David, 1991. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. UK: Blackwell Publishers.
- Davies, B. dan Harre, R., 1990. "Positioning: Conversation and The Production of Selves" dlm. *Journal for The Theory of Social Behaviour*. 20:1, hlm 25, 1990.
- International Court of Justice, 2002. *Sovereignty over Pulau Ligitan and Sipadan*. Rakaman Verbatim di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, The Hague: Netherlands pada 3-12 Jun 2002.
- Krippendorff, Klaus, 1980. *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. Beverly Hills, CA: Sage.

Leech, Geoffrey, 1987. *Semantics*. Harmondsworth: Penguin Books.

Searle, J., 1988. *Speech Acts: An Essay in The Philosophy of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Makalah ini diterjemahkan oleh Teo Kok Seong.